



## KORUS SINAR TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

### A. TERMA-TERMA ASAS

|    |  |   |
|----|--|---|
| 1. | <b>Penganjur</b>                               | <b>ASTRO RADIO SDN BHD<br/>(NO. SYARIKAT: 199601031120 (403472-D))</b>  |
| 2. | <b>Stesen Radio</b>                            | SINAR   |
| 3. | <b>Nama Peraduan</b>                           | Korus SINAR   |
| 4. | <b>Huraian Ringkas Peraduan/<br/>Rancangan</b> | Ini adalah peraduan atas talian untuk peluang memenangi hadiah dari Leyna bernilai RM150  |
| 5. | <b>Mekanisme ringkas Peraduan</b>              | <p>1. Peserta perlu menjadi dua (2) pemanggil terpantas selepas isyarat memanggil ke udara;</p> <p>2. Peserta perlu menyanyikan lagu kegemaran mereka tetapi hanya pada bahagian korus sahaja</p> <p>3. Peserta yang berjaya menyanyi dengan baik akan memenangi hadiah dari Leyna yang bernilai RM150</p> <p>Peserta mesti mematuhi mekanisme Peraduan seperti yang diubah, dipinda atau diberitahu oleh Penganjur dalam Tempoh Peraduan.</p>  |
| 6. | <b>Kriteria Kelayakan</b>                      | <p>a) Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang mencapai Umur Kelayakan seperempena dinyatakan di bawah.</p> <p>b) Peserta mestilah seorang warganegara Malaysia dan memiliki Kad Pengenalan Malaysia yang sah.</p>   |
| 7. | <b>Ketidaklayakan</b>                          | <p>Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini: -</p> <p>(a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor/Pembekal-Pembekal dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Entertainment Sdn Bhd, Astro Production Sdn Bhd, Astro Digital 5 Sdn Bhd dan Astro Malaysia Holdings Berhad, penaja Peraduan dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka.</p> <p>(b) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,000 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum menyertai Peraduan ini.</p> <p>(c) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,001 – RM5,000 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum menyertai Peraduan ini.</p> <p>(d) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM5,001 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari sebelum menyertai Peraduan ini.</p> |
| 8. | <b>Umur Kelayakan</b>                          | <p>a) Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas pada masa penghantaran penyertaan atau pada tarikh penyertaan Peraduan.</p>  |

|     |                                       |   |
|-----|---------------------------------------|---|
|     |                                       | b) Dalam situasi di mana Peserta di bawah umur 18 tahun dibenarkan menyertai Peraduan ini, Peserta tersebut mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga Peserta untuk memasuki Peraduan ini dan menerima Hadiah. Pihak Penganjur menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga Peserta di bawah umur 18 tahun untuk memantau penyertaan Peserta di dalam Peraduan ini. Ibu bapa atau penjaga mungkin, tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur, dikehendaki untuk menandatangani satu indemnit dalam bentuk yang dikehendaki oleh pihak Penganjur sebagai salah satu pra syarat kelayakan penerimaan Hadiah Peserta di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit.  |
| 9.  | <b>Caj</b>                            | Caj telekomunikasi lazim yang dikenakan oleh pembekal khidmat telekomunikasi Peserta.   |
| 10. | <b>Tempoh Peraduan</b>                | <b>10 May 2021 - 30 July 2021</b><br><br>Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menangguhkan Tempoh Peraduan atau mana-mana tarikh, atau menetapkan tarikh baru mengikut budi bicara mutlaknya.  |
| 11. | <b>Bahasa Peraduan</b>                | Bahasa Malaysia   |
| 12. | <b>Prosedur Penyertaan</b>            | Peserta perlu menjadi pemanggil terpantas selepas isyarat memanggil ke udara.   |
| 13. | <b>Tarikh Tutup Penyertaan</b>        | <b>30 July 2021</b>   |
| 14. | <b>Cara Penghantaran</b>              | Melalui panggilan Telefon – Memanggil nombor telefon Stesen Radio – 03-9543 2000  |
| 15. | <b>Alamat</b>                         | All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, Lebuhraya Puchong-Sungai Besi, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur   |
| 16. | <b>Pemilihan Pemenang</b>             | Dua (2) pemanggil terpantas selepas isyarat memanggil ke udara dan menyanyikan lagu kegemaran mereka pada bahagian korus dengan baik  |
| 17. | <b>Hadiah</b>                         | Barangan dari Leyna yang bernilai RM150 untuk setiap pemenang   |
| 18. | <b>Pemakluman Pemenang</b>            | Pemenang akan dimaklumkan selepas Peraduan.   |
| 19. | <b>Tempoh Pengambilan Hadiah</b>      | Dalam tempoh satu (1) bulan daripada pemakluman pihak Penganjur   |
| 20. | <b>Tempat Pengambilan Hadiah</b>      | Tidak berkenaan   |
| 21. | <b>Terma-terma tambahan, jika ada</b> | <b>Click or tap here to enter text.</b><br>TALIAN TERCICIR DAN TIDAK DAPAT DIHUBUNGI***<br><br>Peraduan melalui panggilan telefon<br>Tiada liabiliti ditanggung oleh pihak Penganjur untuk komunikasi telefon yang tidak baik, salah arah / salah menelefon atau kesukaran teknikal yang dialami oleh pemanggil semasa panggilan masuk untuk Peraduan.<br><br>Jika semasa dalam Peraduan: -<br><ul style="list-style-type: none"> <li>a) talian telefon terputus atau terganggu; atau</li> <li>b) terdapat pertikaian yang timbul daripada penggunaan talian-telefon di dalam Peraduan (termasuk di dalam situasi di mana telefon berbilang talian adalah digunakan); atau</li> <li>c) dua talian telefon terlintang semasa Peraduan;</li> </ul> pihak Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya membatalkan kelayakan Peserta yang berkaitan atas apa-apa juga sebab, dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apapemberian Hadiah kepada Peserta, dan boleh memberikan Hadiah kepada orang lain mengikut budi bicara mutlaknya.<br><br>Sekiranya suara selain daripadapemanggil (atau Peserta) didengar di talian telefon, Peserta atau Pemenang yang layak adalah orang pertama di talian |

|  |   |
|--|---|
|  | <p>telefon untuk bercakap. Jika tidak dapat menentukan pemanggil mana yang pertama untuk bercakap di talian telefon, cabutan rawak akan diadakan untuk menentukan Pemenang, dan keputusan cabutan adalah muktamad.</p> <p>Mana-mana penyertaan yang didapati menggunakan penukaran talian telefon atau peralatan pengaturcaraan akan hilang kelayakan.</p> <p>Isyarat memanggil berkuatkuasa hanya apabila didengar di siaran radio di udara, dan isyarat memanggil yang didengar melalui internet tidak sah kerana mungkin terdapat kelewatan dalam penghantaran audio atau kesilapan di internet.</p> <p>Semua Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain dan tidak boleh ditukar kepada atau dijual dalam apa jua cara untuk apa-apa barang, hadiah atau wang tunai.</p> <p>Panel hakim akan ditentukan berdasarkan budi bicara mutlak pihak Penganjur dan/atau penaja. Penganjur boleh mengikut budi bicara mutlaknya membatalkan mana-mana Peserta untuk apa jua sebab, dan apa-apa keputusan oleh hakim, Penganjur dan/atau penaja yang berkaitan dengan Peraduan adalah muktamad dan Penganjur dan/atau penaja tidak akan melayan apa-apa rayuan oleh Peserta terhadap keputusan tersebut.</p> <p>Jika Hadiah adalah dalam bentuk tiket percuma, pas atau baucar:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>(a) pemenang adalah tertakluk pada terma-terma dan syarat-syarat penganjur acara tersebut, penaja atau pihak yang mengeluarkan tiket, pas atau baucar tersebut;</li><li>(b) pemenang mesti mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam tiket, pas atau baucar (seperti klasifikasi filem) dan peraturan lokasi di mana acara tersebut akan diadakan; dan</li><li>(c) tempat, tarikh dan masa acara/program/filem/persembahan boleh diubah pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak Penganjur, penganjur acara atau penaja.</li></ul> |
|--|---|

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** (secara kolektif, "Terma dan Syarat") akan mengikat semua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("Peserta"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma dan Syarat secara tanpa syarat oleh para Peserta.